

### TARIKH AKHIR MENGEMUKAKAN BORANG NYATA CUKAI BAGI PEMBAYAR CUKAI YANG TIDAK MENJALANKAN PERNIAGAAN

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa tarikh akhir pengemukaan **Borang Nyata Cukai Tahun Taksiran 2021 (TT 2021)** bagi pembayar cukai yang tidak menjalankan perniagaan ialah seperti yang berikut:

Jenis Borang	Kategori Pembayar Cukai	Tarikh Akhir Pengemukaan Borang Nyata Cukai TT 2021	
		Manual	e-Filing
BE	Individu Pemastautin	30 April 2022	15 Mei 2022
BT	Individu Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan / Berkepakaran)		
M	Individu Bukan Pemastautin		
MT	Individu Bukan Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan)		
TF	Pertubuhan		
TP	Harta Pusaka		
TJ	Keluarga Sekutu Hindu		

2. Sebagai panduan berkenaan pengemukaan Borang Nyata Cukai ini, pembayar cukai boleh merujuk kepada Program Memfail Borang Nyata bagi tahun 2022 yang boleh diakses dan dimuat turun menerusi pautan yang berikut:
- i. Bahasa Melayu:  
[https://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailBN\\_2022\\_1.pdf](https://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailBN_2022_1.pdf)
- ii. Bahasa Inggeris:  
[https://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailBN\\_2022\\_2.pdf](https://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailBN_2022_2.pdf)
3. Sebagai makluman, sehingga **31 Mac 2022**, berikut merupakan jumlah penerimaan Borang Nyata Cukai TT 2021 secara e-Filing dan manual bagi pembayar cukai yang tidak menjalankan perniagaan.

Jenis Borang	Kategori Pembayar Cukai	e-Filing	Manual	Jumlah
<b>BE</b>	Individu Pemastautin	1,133,989	23,146	<b>1,157,135</b>
<b>BT</b>	Individu Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan / Berkepakaran)	243	20	<b>263</b>
<b>M</b>	Individu Bukan Pemastautin	3,666	1,644	<b>5,310</b>
<b>MT</b>	Individu Bukan Pemastautin (Pekerja Berpengetahuan)	-	2	<b>2</b>
<b>TF</b>	Pertubuhan	373	16	<b>389</b>
<b>TP</b>	Harta Pusaka	328	17	<b>345</b>
<b>TJ</b>	Keluarga Sekutu Hindu	-	-	-

Jumlah Keseluruhan Penerimaan Borang Nyata Cukai Tahun Taksiran 2021 (sehingga 31 Mac 2022)	<b>1,163,444</b>
---	------------------

4. Pembayar cukai adalah disarankan untuk mengemukakan Borang Nyata Cukai dan membayar cukai pendapatan mereka dalam tempoh yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang penalti lewat hantar borang dan kenaikan lewat bayar cukai. Pembayar cukai juga dinasihatkan untuk mengisi maklumat diri dan perbankan yang tepat serta terkini bagi membantu kelancaran proses bayaran balik cukai (jika ada).

Sebarang pertanyaan dan maklum balas berkaitan perkara ini boleh dikemukakan kepada HASiL melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



**Dikeluarkan Oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 14 April 2022**

